

Pembangking mahu bongkar lagi FELDA
Malaysiakini.com
June 25, 2010

Walaupun bakal disaman oleh Lembaga Tanah Persekutuan (FELDA), akhbar rasmi PKR Suara Keadilan dan beberapa pemimpin pembangking melihat tindakan itu sebagai "peluang besar membongkarkan segala penyelewengan yang berlaku".

Penyelaras Pakatan Rakyat Datuk Zaid Ibrahim (kiri) - antara nama yang bakal diheret ke mahkamah - berkata beliau sekarang hanya menunggu saman daripada pihak FELDA, lapor Suara Keadilan versi internet.

"Saya tahu dan kita menunggu saman tersebut, apa yang pasti tindakan saman yang dikemukakan oleh FELDA itu sebenarnya memberi peluang yang besar kepada kita untuk mendedahkan apa yang telah berlaku di dalam FELDA.

"Bagi saya ini tidak mengejutkan saya dan kita bersedia untuk menghadapi saman tersebut," beliau dipetik sebagai berkata.

Pagi tadi, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan mengumumkan, FELDA akan menyaman Suara Keadilan dan beberapa pemimpin pembangking kerana didakwa menyiarkan laporan "fitnah yang berniat jahat".

Ahmad (kiri) berkata, tuduhan yang dibuat dalam edisi terbaru akhbar itu, terutamanya di muka depannya dengan tajuk 'Felda Bankrap' adalah keterlaluan.

Selain Zaid, pemilik permit dan ketua pengarang Suara Keadilan, FELDA juga berhasrat menyaman wartawan-wartawan terbabit dan beberapa pemimpin pembangking, iaitu ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR Tan Kee Kwong dan Suhaimi Said serta wakil rakyat PAS Mohd Abdul Wahid Endut.

Sementara itu, Suara Keadilan juga melaporkan pendirian Zaid tersebut turut dikongsi bersama oleh Tan, Suhaimi dan Wahid.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/135568>